

**Laman Web : Utusan Online
Selasa, 16 Jun 2009**

Banci penduduk dan perumahan dilaksanakan tahun depan

PUTRAJAYA 16 Jun — Jabatan Perangkaan akan melaksanakan Banci Penduduk dan Perumahan pada tahun depan, bancian berskala yang dilakukan setiap 10 tahun, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau berkata kerajaan meluluskan peruntukan RM212 juta bagi melaksanakan bancian menyeluruh itu, yang berkaitan dengan penduduk, pendapatan, perumahan dan lain-lain lagi.

“Bagi tujuan ini 29,000 petugas sambilan akan diambil untuk menjalankan banci bagi tempoh setahun. Selain itu 4,500 petugas sambilan sedang diambil untuk melaksanakan projek-projek awalan Jabatan Perangkaan,” katanya dan menambah satu banci percubaan akan diadakan bulan depan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan 60 Tahun Jabatan Perangkaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan Wan Ramlah Wan Abdul Raof dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob.

Nor Mohamed berkata maklumat daripada bancian itu sangat penting kerana ia akan menjadi input kepada Rancangan Malaysia Ke-10 dan sumber berguna bagi membentuk model ekonomi baru.

Mengulas mengenai model ekonomi baru, beliau berkata ia masih di dalam perancangan dan akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak apabila siap kelak.

— BERNAMA